

# Ahli Kelab Kewangan Antarabangsa SPKAL kunjungi PDK Labuan

UB 26.04.2012 85

**K**E LAB HE-19 Kewangan Antarabangsa Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah mengadakan lawatan ke Pusat Dalam Komuniti (PDK) Labuan di Jalan Tenaga, Sabtu lalu.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) SPKAL, Lee Hock Ann yang mewakili Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr. Norazah Mohd Suki, merasmikan program itu.

Program kebajikan itu telah disertai oleh lima orang pensyarah jemputan, 15 orang pelatih yang menghadapi masalah down syndrome dari PDK dan 45 pelajar UMS-KAL.

Aktiviti yang dianjurkan oleh Kelab HE-19 SPKAL itu diketuai oleh Penyelaras Program, Zakiah Hassan

yang juga Ketua Program HE-19 yang dibantu oleh Pengurus Program, Gogilan a/l Murugaiah dan Timbalan Pengurus, Yap Soon Kien.

Zakiah berkata, program itu bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat untuk menyumbangkan tenaga dan kasih sayang kepada pelatih PDK.

Selain usaha untuk menemani pelatih di PDK, ahli kelab meyumbangkan derma sebanyak RM300 hasil jualan gula-gula amal yang dijalankan di Kampus UMS-KAL yang disampaikan kepada Penyelia PDK, Zubaidah Lamit.

Turut diadakan untuk menceriakan pelatih PDK ialah acara-acara aerobik dan sukaneka serta jamuan ringan bersama pelatih PDK Jalan Tenaga.

Zakiah berharap



LEE (dua kanan) bersama pelatih PDK Jalan Tenaga.



LEE (kanan) menyampaikan hamper kepada pelatih PDK yang menyertai acara sukaneka.

pelajar UMS-KAL akan menganjurkan aktiviti dan lawatan seperti ini dengan lebih kerap sebagai tanda kasih sayang kepada mereka yang memerlukan.

"Program lawatan itu adalah sebahagian sumbangan pelajar

UMS-KAL sebelum mereka menamatkan pengajian di universiti itu," katanya.

Katanya, penduduk tempatan juga harus memberikan sokongan dan sumbangan kepada kegiatan di Pusat Dalam Komuniti ini.



PENSYARAH dan pelajar UMS-KAL beramah mesra dengan pelatih PDK Jalan Tenaga Labuan.



PELAJAR UMS-KAL bergambar kenangan bersama pelatih di PDK Jalan Tenaga Labuan.